

**PERKAITAN GAYA KEIBUBAPAAN, PERSONALITI  
DAN TINGKAH LAKU BULI DENGAN  
KEBARANGKALIAN BUNUH DIRI DALAM  
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH  
MENENGAH DI JOHOR**



**HALIMAH BINTI MA'ALIP**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**PERKAITAN GAYA KEIBUBAPAAN, PERSONALITI  
DAN TINGKAH LAKU BULI DENGAN  
KEBARANGKALIAN BUNUH DIRI DALAM  
KALANGAN PELAJAR SEKOLAH  
MENENGAH DI JOHOR**

**HALIMAH BINTI MA'ALIP**



**UMS**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH  
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**  
**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **PERKAITAN GAYA KEIBUBAAPAN, PERSONALITI DAN TINGKAH LAKU BULI DENGAN KEBARANGKALIAN BUNUH DIRI DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI JOHOR**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH PSIKOLOGI**

BIDANG : **PSIKOLOGI**

Saya **HALIMAH BINTI MA'ALIP**, Sesi **2018-2023**, mengaku membenarkan tesis Doktoral ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



**HALIMAH BINTI MA'ALIP**  
**DP1721055T**

Disahkan Oleh,

 ANITA BINTI ARSAD  
PUSTAKAWAN KANAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 30 Ogos 2023




(Prof. Madya Dr. Azizi Yahaya)  
Penyelia Utama

## PENAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

14 Mac 2023



Halimah Binti Ma'alip  
DP1721055T



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **HALIMAH BINTI MA'ALIP**

NO. MATRIK : **DP1721055T**

TAJUK : **PERKAITAN GAYA KEIBUBAPAAN, PERSONALITI DAN TINGKAH LAKU BULI DENGAN KEBARANGKALIAN BUNUH DIRI DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DI JOHOR**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH PSIKOLOGI**

BIDANG : **PSIKOLOGI**

TARIKH VIVA : **14 MAC 2023**



**DISAHKAN OLEH;**

**UMMS**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

- 1. PENYELIA UTAMA**  
Prof. Madya Dr. Azizi Yahaya
- 2. PENYELIA BERSAMA**  
Prof. Madya Dr. Ismail Maakip

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Lafaz syukur ke hadrat Ilahi kerana tesis ini dapat diselesaikan. Mudah-mudahan dapatan daripada kajian ini akan memberi manfaat kepada semua pihak yang berkaitan. Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Azizi Yahaya selaku penyelia utama dan Prof. Madya Dr. Ismail Ma'akip sebagai penyelia bersama yang telah banyak memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam pembuatan tesis ini. Selain itu, dorongan dan nasihat yang disematkan sepanjang poses bimbingan merupakan semangat untuk terus berusaha dan berjaya. Jutaan terima kasih diucapkan kepada para guru yang tidak dapat disebutkan nama mereka satu-persatu kerana sudi membantu untuk mentadbir soal selidik di sekolah masing-masing bagi proses pengumpulan data.

Di samping itu, jutaan terima kasih ditujukan kepada suami, Mohd. Sofri Ibrahim yang telah memberikan keizinan untuk saya meneruskan pengajian ini, serta tidak lupa kepada anakanda, Muhamad Uwais, Shifatul 'Ulya, Muhammad Ulfat dan Muhammad Uzair yang sering membantu meringankan tugas rumah tangga apabila bonda sedang fokus kepada penulisan tesis. Begitu juga kepada kekanda Dr. Sa'adiyah Ma'alip yang menjadi pemangkin bagi terlaksananya impian ini. Manakala bagi adik beradik dan seluruh keluarga besar lain, doa yang disampaikan untuk kejayaan ini amat dihargai.

Sebelum diakhiri dengan lafaz kesyukuran, sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih disampaikan kepada semua individu yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam terlaksananya penulisan tesis ini. Khususnya kepada kawan-kawan seperjuangan yang sering memberikan motivasi, penilai dalaman yang banyak memberikan saranan bagi penambahbaikan tesis ini, dan staf pentadbiran Fakulti Pendidikan dan Psikologi umumnya. Akhir kata, kejayaan ini adalah kejayaan kita bersama.

Halimah Binti Ma'alip

14 Mac 2023

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perkaitan gaya keibubapaan, personaliti dan tingkah laku buli dengan kebarangkalian bunuh diri dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Johor. Permasalahan kajian bertitik tolak daripada kadar bunuh diri yang paling tinggi di Johor. Ini merupakan kajian kuantitatif deskriptif-korelasi. Instrumen kajian telah melalui analisis kebolehpercayaan dan kesahan secara statistik dengan menunjukkan nilai yang baik. Nilai kebolehpercayaan bagi Soal Selidik Kewibawaan Ibu Bapa (PAQ) yang mengandungi 30 item adalah 0.786; Inventori Lima Besar (BFI) yang mengandungi 44 item adalah 0.702; Soal Selidik Pengukuran Tingkah Laku Buli yang Diadaptasi (MBBS-A) yang mengandungi 20 item adalah 0.824; dan Skala Kebarangkalian Bunuh Diri (SPS) yang mengandungi 36 item adalah 0.924. Manakala kesahan bagi semua instrumen kajian juga baik, iaitu nilai dapatan lebih besar daripada nilai  $p$  kritikal, iaitu 0.2542 dengan aras signifikan  $\alpha < 0.05$ . Sampel kajian dipilih menggunakan kaedah pensampelan rawak mudah dan terdiri daripada pelajar sekolah menengah di Johor. Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 26. Sebanyak 844 data digunakan untuk analisis deskriptif manakala 659 data yang sudah melalui proses penyaringan dan analisis normaliti digunakan bagi analisis inferensi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kebarangkalian bunuh diri adalah tinggi (45.6%). Selain itu, kajian ini menunjukkan bahawa gaya keibubapaan jenis autoritatif adalah yang paling dominan dengan min sebesar 3.53; buli jenis verbal merupakan tingkah laku buli yang paling dominan dengan min sebesar 1.76; dan kesetujuan pula merupakan domain personaliti yang paling dominan dengan min sebesar 3.59. Selanjutnya, analisis MANOVA 2 Hala menunjukkan jantung dan kaum bukan merupakan peramal kepada gaya keibubapaan, personaliti, tingkah laku buli dan kebarangkalian bunuh diri. Analisis Ujian-T pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya keibubapaan, tingkah laku buli, dan kebarangkalian bunuh diri dengan agama. Analisis ANOVA 1 Faktor pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan gaya keibubapaan dengan tingkah laku buli. Sebaliknya, tidak terdapat perbezaan yang signifikan personaliti dengan kebarangkalian bunuh diri. Seterusnya, analisis korelasi Pearson menunjukkan perkaitan antara gaya keibubapaan, personaliti, tingkah laku buli dengan kebarangkalian membunuh diri. Antara keputusan analisis Regresi Berganda-Stepwise menunjukkan bahawa elemen manipulasi sosial (25.5%), verbal (29.2%), fizikal (34.1%), domain kesetujuan (35.1%) dan kehematan (35.8%) dan gaya keibubapaan jenis autoritatif (31.9%) merupakan peramal kepada kebarangkalian bunuh diri. Salah satu cadangan yang dikemukakan adalah menggunakan kaedah kualitatif bagi menggali lebih dalam lagi isu kebarangkalian bunuh diri melalui kaedah temu bual. Kesimpulannya, kajian ini mempunyai implikasi yang signifikan bagi pihak berkepentingan selain menyumbang kepada perubahan sosial yang positif apabila perihal gaya keibubapaan, personaliti, tingkah laku buli dan kebarangkalian bunuh diri disedari.

## **ABSTRACT**

### **RELATIONSHIP BETWEEN PARENTING STYLE, PERSONALITY, BULLYING BEHAVIOR AND ADOLESCENT SUICIDE ATTEMPT IN JOHOR**

*The aim of this study is to identify the association between parenting style, personality and bullying behavior with the probability of suicide among high school students in Johor. The problem of the study is based on the highest suicide rate in Johor based on the 2009 National Suicide Registry Malaysia (NSRM). This study is a descriptive-correlation quantitative study. A statistical analysis showed a good reliability and validity of the research instrument. The reliability of the Parental Authority Questionnaire (PAQ) which consist of 30 items is 0.786; Big Five Inventory (BFI) which consist of 44 items is 0.702; Measure of Bullying Behaviour-Adaptation (MBBS-A) which consist of 20 items is 0.824; and The Suicide Probability Scale (SPS) which consist of 36 items is 0.924. While the validity of all research instruments are good as the obtained value ( $p$  table) is greater than the critical value ( $r$  table) of 0.2542 and significantly high because  $\alpha < 0.05$ . The samples of the study were selected using simple random sampling method and consisted of secondary school students in Johor. Data were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 26 software. A total of 844 data were used for descriptive analysis while 659 data that had gone through the process of screening and normality analysis were used for inferential analysis. The findings showed that the level of suicide attempt among adolescents are high (45.6%). In addition, this study showed that the authoritative parenting styles are the most dominant with a mean of 3.53; verbal bullying is the most dominant bullying behavior with a mean of 1.76; and agreeableness is the most dominant personality domain with a mean of 3.59. Furthermore, the 2-Way MANOVA analysis showed gender and race are not the factors to parenting styles, personality, bullying behavior and suicide probability. The T-Test analysis showed that there are significant differences between parenting styles, bullying behavior, and suicide probability with religion. One Factor ANOVA analysis showed that there are significant differences in parenting styles with bullying behavior. On the other hand, there are no significant difference in personality with suicide probability. Next, Pearson correlation analysis showed that there is an interrelationship between parenting styles, personality, bullying behavior and suicide attempt. The results of the Stepwise-Multiple Regression analysis showed that social manipulation (25.5%), verbal (29.2%) and, physical (34.1%), agreeableness (35.1%) and conscientiousness (35.8%) and authoritative (31.9%) are predictors to suicide aprobability. One of the suggestions is to apply qualitative methods for a better understanding of the issue on bully and suicide behavior through an interview. In conclusion, this study has significant implications for stakeholders and as well as contributing to positive social change when parenting style, personality, bullying behavior and suicide attempt are aware.*



# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI RAJAH</b>	xviii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xix
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Permasalahan Kajian	12
1.4 Tujuan Kajian	16
1.5 Objektif Kajian	17
1.6 Persoalan Kajian	19
1.7 Hipotesis Kajian	21
1.8 Kerangka Konsep Kajian	22
1.9 Kepentingan Kajian	24
1.9.1 Kepentingan kepada Ibu Bapa	24
1.9.2 Kepentingan kepada Guru	25
1.9.3 Kepentingan kepada Unit Bimbingan dan Kaunseling	25

1.9.4	Kepentingan kepada Pengurusan Sekolah	26
1.9.5	Kepentingan kepada Persatuan Ibu Bapa dan Guru	27
1.9.6	Kepentingan kepada Kementerian Pelajaran	27
1.10	Liputan Kajian	28
1.11	Batasan Kajian	28
1.12	Definisi Konseptual dan Operasional	30
1.12.1	Remaja	30
1.12.2	Ibu Bapa/Penjaga	30
1.12.3	Gaya Keibubapaan	31
1.12.4	Gaya Keibubapaan Autoritatif	31
1.12.5	Gaya Keibubapaan Autoritarian	32
1.12.6	Gaya Keibubapaan Permisif	33
1.12.7	Tingkah Laku Buli	33
1.12.8	Jenis-jenis Tingkah Laku Buli	35
1.13	Organisasi Kajian	40
1.14	Rumusan	41

## **BAB 2: SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	42
2.2	Teori-Teori Kajian	43
2.2.1	Tipologi Baumrind	43
2.2.2	Teori Pembelajaran Sosial	46
2.2.3	Teori Sistem Ekologi	48
2.2.4	Teori Personaliti Lima Besar ( <i>Big Five Theory</i> )	50
2.3	Gaya Keibubapaan	53
2.4	Personaliti	55

2.5	Tingkah Laku Buli	57
2.6	Kebarangkalian Bunuh Diri	60
2.7	Gaya Keibubapaan dengan Tingkah Laku Buli	61
2.8	Gaya Keibubapaan dengan Personaliti Remaja	64
2.9	Gaya Keibubapaan dengan Kebarangkalian Bunuh Diri	66
2.10	Personaliti Remaja dengan Tingkah Laku Buli	67
2.11	Personaliti Remaja dengan Kebarangkalian Bunuh Diri	68
2.12	Tingkah Laku Buli dengan Kebarangkalian Bunuh Diri	69
2.13	Jantina, Umur, Agama dan Kaum dengan Kebarangkalian Bunuh Diri dan Tingkah laku Buli	72
2.14	Rumusan	77

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	79
3.2	Reka Bentuk Kajian	80
3.3	Kawasan Kajian	81
3.4	Populasi dan Sampel Kajian	82
3.5	Pensampelan	84
3.5.1	Pemilihan Sampel Kawasan	86
3.5.2	Pemilihan Sampel Sekolah	87
3.6	Instrumen Kajian	88
3.6.1	Ciri-ciri Demografi Responden	90
3.6.2	Soal Selidik Kewibawaan Ibu Bapa ( <i>Parental Authority Questionnaire</i> )-PAQ	90
3.6.3	Inventori Lima Besar ( <i>Big Five Inventory</i> )-BFI	92
3.6.4	Soal Selidik Pengukuran Tingkah Laku Buli yang Diadaptasi ( <i>Measure of Bullying Behaviour-Adaptation</i> )-MBBS-A	94

3.6.5	Skala Kebarangkalian Bunuh Diri ( <i>The Suicide Probability Scale</i> )- SPS	95
3.7	Terjemahan Semula	98
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	99
3.9	Kajian Rintis	101
3.10	Kebolehpercayaan dan Kesahan Data	103
3.10.1	Kebolehpercayaan	103
3.10.2	Kesahan	104
3.11	Pengumpulan Data	108
3.12	Penyaringan Data	109
3.13	Kenormalan Data dan Outlier	109
3.14	Analisis Data	110
3.14.1	Statistik Deskriptif	111
3.14.2	Analisis Regresi Berganda-Stepwise	111
3.14.3	Analisis ANOVA	112
3.14.4	Analisis MANOVA	112
3.14.5	Analisis Ujian-T	112
3.14.6	Analisis Korelasi Pearson	113
3.15	Rumusan	113
 <b>BAB 4: ANALISIS KAJIAN</b>		
4.1	Pengenalan	114
4.2	Latar Belakang Responden	115
4.2.1	Umur	115
4.2.2	Jantina	115
4.2.3	Kaum	116
4.2.4	Agama	116

4.2.5	Tinggal dengan Siapa?	117
4.2.6	Status Hubungan Ibu Bapa	117
4.3	Tahap Kebarangkalian Bunuh Diri dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Johor	118
4.4	Jenis Gaya Keibubapaan, Tingkah Laku Buli, dan Jenis Personaliti Lima Besar yang Paling Dominan dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Johor	122
4.4.1	Jenis Gaya Keibubapaan	122
4.4.2	Tingkah Laku Buli	129
4.4.3	Personaliti	132
4.5	Pengujian Hipotesis	137
4.5.1	Objektif Kajian 3: Untuk mengenal pasti sama ada jantina dan kaum merupakan faktor kepada gaya keibubapaan, personaliti, tingkah laku buli, dan kebarangkalian bunuh diri dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Johor	138
4.5.2	Objektif Kajian 4: Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara gaya keibubapaan, personaliti, tingkah laku buli, dan kebarangkalian bunuh diri dengan agama (Islam dan Bukan Islam) dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Johor	140
4.5.3	Objektif Kajian 5: Untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan antara gaya keibubapaan, personaliti, tingkah laku buli, dan kebarangkalian bunuh diri dengan umur dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Johor	146
4.5.4	Objektif Kajian 6: Untuk mengenal pasti saling hubungan antara faktor gaya keibubapaan, personaliti, tingkah laku buli dengan putus asa dalam kalangan remaja di Johor	158
4.5.5	Objektif Kajian 7: Untuk mengenal pasti sama ada gaya keibubapaan (permisif, autoritarian, autoritatif), personaliti (ekstraversi, kesetujuan, kehematan, neurotisme, keterbukaan), dan tingkah laku buli (verbal, manipulasi sosial, mengacau ganggu harta benda), jantina, kaum dan agama merupakan peramal kepada kebarangkalian bunuh diri dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Johor	159

4.5.6	Objektif Kajian 8: Untuk mengenal pasti sama ada gaya keibubapaan (permisif, authoritarian, autoritatif), dan personaliti (ekstraversi, kesetujuan, kehematan, neurotisme, keterbukaan) merupakan peramal kepada tingkah laku buli dalam kalangan remaja di Johor	163
4.5.7	Objektif Kajian 9 : Untuk mengenal pasti gaya keibubapaan (permisif, authoritarian, autoritatif), merupakan peramal kepada personaliti dalam kalangan remaja di Johor	166
4.6	Rumusan	167

## **BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

5.1	Pengenalan	170
5.2	Latar Belakang	170
5.3	Tahap Kebarangkalian Bunuh Diri dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Johor	172
5.4	Jenis Gaya Keibubapaan, Tingkah Laku Buli, dan Jenis Personaliti Lima Besar yang Paling Dominan dalam Kalangan pelajar sekolah menengah di Johor	173
5.4.1	Jenis Gaya Keibubapaan	173
5.4.2	Tingkah Laku Buli	175
5.4.3	Personaliti	176
5.5	Jantina dan kaum merupakan faktor kepada gaya keibubapaan, personaliti, tingkah laku buli dan kebarangkalian bunuh diri dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Johor	177
5.6	Perbezaan antara gaya keibubapaan, personaliti, tingkah laku buli, dan kebarangkalian bunuh diri dengan agama dalam kalangan remaja di Johor	180
5.7	Perbezaan antara gaya keibubapaan, personaliti, tingkah laku buli, dan kebarangkalian bunuh diri dengan umur dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Johor	182
5.8	Saling hubungan gaya keibubapaan, personaliti, tingkah laku buli, dan kebarangkalian bunuh diri dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Johor	183
5.9	Gaya keibubapaan (permisif, authoritarian, autoritatif), personaliti (ekstraversi, kesetujuan, kehematan, neurotisme, keterbukaan),	185

dan tingkah laku buli (verbal, manipulasi sosial, mengacau ganggu harta benda) merupakan peramal kepada kebarangkalian bunuh diri

5.10	Gaya keibubapaan (permisif, autoritarian, autoritatif), personaliti (ekstraversi, kesetujuan, kehematan, neurotisme, keterbukaan) merupakan peramal kepada tingkah laku buli dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Johor	187
5.11	Gaya keibubapaan (permisif, autoritarian, autoritatif) bukan merupakan peramal kepada personaliti dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Johor	188
5.12	Kesimpulan	190
	5.12.1 Implikasi Kajian	195
	5.12.2 Batasan Kajian	199
	5.12.3 Cadangan	200
	<b>RUJUKAN</b>	203
	<b>LAMPIRAN</b>	228



UMMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 : Bilangan, Peratusan dan Kadar Insiden Bunuh Diri Negeri-Negeri di Malaysia. Daftar Bunuh Diri Kebangsaan di Malaysia (NSRM), 2009	9
Jadual 2.1 : Model Lima Faktor: Dimensi dan Tingkat	51
Jadual 3.1 : Jadual Penentuan Saiz Sampel, Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970)	84
Jadual 3.2 : Pembahagian PPD Mengikut Zon di Negeri Johor	85
Jadual 3.3 : Pengagihan item Soal Selidik Kewibawaan Ibu Bapa (PAQ)	91
Jadual 3.4 : Pengagihan item Inventori Lima Besar (BFI)	94
Jadual 3.5 : Subkelas Skala Tingkah Laku Buli Berbilang Dimensi yang Diadaptasi (MBBS-A)	95
Jadual 3.6 : Jumlah Skor Pemberat	96
Jadual 3.7 : Indeks Kebarangkalian Bunuh Diri Cull and Gill	97
Jadual 3.8 : Pengagihan Item Skala Kebarangkalian Bunuh Diri (SPS)	97
Jadual 3.9 : Tafsiran Pekali Sisihan Korelasi Nilai <i>Alfa Cronbach</i>	102
Jadual 3.10 : Pekali Sisihan Korelasi Nilai <i>Alfa Cronbach</i> bagi Instrumen Kajian	104
Jadual 3.11 : Kesahan keseluruhan Soal Selidik Kewibawaan Ibu Bapa (PAQ)	105
Jadual 3.12 : Kesahankeseluruhan instrumen Inventori Lima Besar (BFI)	106
Jadual 3.13 : Kesahan Keseluruhan Instrumen Skala Tingkah Laku Buli Berbilang Dimensi yang Diadaptasi ( <i>Multidimensional Bullying Behaviour Scale-Adapted</i> )-MBBS-A	107
Jadual 3.14 : Kesahan Keseluruhan Instrumen Skala Kebarangkalian Bunuh Diri (SPS)	108
Jadual 4.1 : Umur (Tingkatan)	115



Jadual 4.2	: Jantina	115
Jadual 4.3	: Kaum	116
Jadual 4.4	: Agama	116
Jadual 4.5	: Tinggal dengan Siapa?	117
Jadual 4.6	: Status Hubungan Ibu Bapa	117
Jadual 4.7	: Tahap Kebarangkalian Bunuh Diri Remaja	118
Jadual 4.8	: Subskala Putus Asa	118
Jadual 4.9	: Subskala Keinginan Bunuh Diri	120
Jadual 4.10	: Subskala Penilaian Negatif Terhadap Diri	120
Jadual 4.11	: Subskala Perseteruan	121
Jadual 4.12	: Gaya Keibubapaan yang Dominan	123
Jadual 4.13	: Gaya Keibubapaan Permisif	123
Jadual 4.14	: Gaya Keibubapaan Autoritarian	125
Jadual 4.15	: Gaya Keibubapaan Autoritatif	127
Jadual 4.16	: Tingkah Laku Buli yang Dominan	129
Jadual 4.17	: Tingkah Laku Buli Fizikal	129
Jadual 4.18	: Tingkah Laku Buli Verbal	130
Jadual 4.19	: Tingkah Laku Buli Manipulasi Sosial	131
Jadual 4.20	: Tingkah Laku Buli Mengacau Gangguan Harta Benda	131
Jadual 4.21	: Personaliti yang Dominan	132
Jadual 4.22	: Personaliti Ekstraversi	133
Jadual 4.23	: Personaliti Kesetujuan	134
Jadual 4.24	: Personaliti Kehematan	135
Jadual 4.25	: Personaliti Neurotisme	135
Jadual 4.26	: Personaliti Keterbukaan	136
Jadual 4.27	: Ujian Kesamaan bagi Matriks Konvarians	138

Jadual 4.28	: Faktor Jantina dan Kaum kepada Gaya Keibubapaan, Personaliti, Tingkah Laku Buli dan Kebarangkalian Bunuh Diri	139
Jadual 4.29	: Analisis Perbandingan Ujian-T ke atas Empat Pemboleh Ubah Kajian dengan Agama	140
Jadual 4.30	: Analisis Perbandingan Ujian-T ke atas Gaya Keibubapaan (permisif, authoritarian, autoritatif) dengan Agama (Islam dan Bukan Islam)	141
Jadual 4.31	: Analisis Perbandingan Ujian-T ke atas Personaliti (ekstraversi, kesetujuan, kehematan, neurotisme, keterbukaan) dengan Agama (Islam dan Bukan Islam)	142
Jadual 4.32	: Analisis Perbandingan Ujian-T ke atas Tingkah Laku Buli (fizikal, Verbal, manipulasi sosial, dan mengacau ganggu harta benda) dengan Agama	144
Jadual 4.33	: Analisis Perbandingan Ujian-T ke atas Kebarangkalian Bunuh Diri (putus asa, keinginan bunuh diri, penilaian negatif terhadap diri, perseteruan) dengan Agama	145
Jadual 4.34	: Perbezaan Antara Gaya Keibubapaan, Personaliti, Tingkah Laku Buli, Dan Kebarangkalian Bunuh Diri dengan Umur	146
Jadual 4.35	: Perbandingan Berganda Gaya Keibubapaan dan Tingkah Laku Buli dengan Jantina	148
Jadual 4.36	: Perbezaan antara Gaya Keibubapaan (permisif, authoritarian, dan autoritatif) dengan Umur	149
Jadual 4.37	: Perbandingan Berganda (Ujian Pos Hoc Turkey) Komponen Gaya Keibubapaan dengan Umur	150
Jadual 4.38	: Perbezaan antara Personaliti (ekstraversi, kesetujuan, kehematan, neurotisme, keterbukaan) dengan Umur	151
Jadual 4.39	: Perbandingan Berganda (Ujian Pos Hoc Turkey) Komponen Personaliti dengan Umur	152
Jadual 4.40	: Perbezaan antara tingkah laku buli (verbal, fizikal, manipulasi sosial, mengacau ganggu harta benda) dengan Umur	153
Jadual 4.41	: Perbandingan Berganda (Ujian Pos Hoc Turkey) Komponen Tingkah Laku Buli dengan Umur	154

Jadual 4.42	: Perbezaan antara Kebarangkalian Bunuh Diri (putus asa, keinginan bunuh diri, penilaian negatif terhadap diri, persetujuan) dengan Umur	156
Jadual 4.43	: Perbandingan Berganda (Ujian Pos Hoc Turkey) Penilaian Negatif Diri dan Persetujuan dengan Jantina	157
Jadual 4.44	: Saling Hubungan antara Gaya Keibubapaan, Personaliti, Tingkah Laku Buli dan Kebarangkalian Bunuh Diri	158
Jadual 4.45	: Ringkasan Model Pemboleh Ubah Bebas dengan Kebarangkalian Membunuh Diri	160
Jadual 4.46	: Ringkasan Model Pemboleh Ubah Gaya Keibubapaan dan Personaliti dengan Tingkah Laku Buli	163
Jadual 4.47	: Ringkasan Model Pemboleh Gaya Keibubapaan (pemisif, authoritarian, autoritatif) dengan Personaliti	166
Jadual 5.1	: Keputusan Kesemua Ujian Hipotesis Kajian	190



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian	23
Rajah 3.1 : Prosedur Pemilihan 1000 Orang Responden badi Sekolah Menengah di PPD Zon Johor Selatan untuk Persampelan Kelompok	88
Rajah 3.2 : Carta Aliran Kajian Penyelidikan	101



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Instrumen Kajian	228
Lampiran B : Jadual Kesahan Item Instrumen Kajian	241
Lampiran C : Kenormalan Data dan Outlier	270
Lampiran D : Surat Kebenaran Membuat Kajian	278



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Perlakuan bunuh diri boleh diakibatkan oleh putus asa, kemurungan, dan kebencian akibat daripada perlakuan negatif orang lain atau pelarian diri daripada kesakitan dan kesusahan yang tidak bertanggung. Malah bunuh diri boleh juga dikaitkan dengan konflik sistem kekeluargaan, kelemahan hubungan interpersonal, dan kurangnya sokongan sosial. Di samping itu, bunuh diri berpunca daripada tekanan dalam diri, berasa tidak diperlukan, dan menderita (Azizi dan Tan, 2015).

Setiap tahun, kira-kira 700,000 orang mati akibat bunuh diri yakni 77% kes bunuh diri berlaku di negara berpendapatan rendah dan sederhana (WHO, 2021). Malaysia berada pada kedudukan ke-126 di dunia pada tahun 2019 berdasarkan statistik yang dibuat oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia, dengan kadar bunuh diri sebanyak lima orang daripada 100 000 orang (QGenAnalysts, 2022).

Namun begitu, persekitaran positif dan keluarga yang dapat berkomunikasi dengan jelas dan telus, boleh membantu dalam mengenal pasti faktor risiko dan mencegah tingkah laku bunuh diri. Selanjutnya, Lo et. al (2017) mendapati bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara tiga bentuk gaya keibubapaan dengan idea bunuh diri anak-anak. Gaya keibubapaan autoritarian dikaitkan secara positif dengan idea bunuh diri manakala gaya keibubapaan autoritatif pula dikaitkan secara negatif dengan idea bunuh diri. Oleh itu, kajian ini selari dengan cadangan tersebut yang melihat hubungan gaya keibubapaan dengan tingkah laku bunuh diri. Ini kerana pemahaman tentang gaya keibubapaan oleh ibu bapa dapat memberi gambaran tentang cara terbaik untuk mendekati anak-anak yang terlibat dengan tingkah laku buli mahupun bunuh diri.

Dengan yang demikian, adalah perlu untuk mengambil kira gaya keibubapaan dalam pengasuhan anak-anak. Walaupun tidak terdapat buku atau garis panduan khusus bagi ibu bapa sebagai ketua keluarga, gaya keibubapaan sering kali menjadi asas kepada ibu bapa mengasuh anak-anak mereka. Ini kerana gaya keibubapaan yang baik dalam menghadapi tingkah laku anak-anak boleh membawa remaja kepada penerimaan sosial, berdikari, penyesuaian diri yang positif, dan kejayaan dalam akademik (Baumrind, Larzelere, dan Owens, 2010).

Selain itu, gaya keibubapaan juga sering dikaitkan dengan personaliti seseorang kanak-kanak dan remaja. Personaliti dapat mempengaruhi cara seseorang itu mengamati sesuatu perkara atau situasi dan bertindak ke atasnya. Menurut Pronk, Olthof, & Goossens (2014), personaliti dan tingkah laku buli saling berkait antara satu dengan lain maka apabila seseorang memilih dan melakukan tindakan tertentu, dia mungkin akan bertindak balas dengan cara yang berbeza berdasarkan sifat personaliti tertentu yang ada pada dirinya. Perkara ini boleh menjadi rentan kepada mangsa buli dengan melakukan tindak balas seperti keinginan untuk bunuh diri malah kebarangkalian untuk bunuh diri jika personalitinya lemah.

Dalam kajian Canal-Rivero *et al.* (2021), mereka mendapati bahawa isu personaliti dapat dikaitkan dengan peningkatan risiko tingkah laku bunuh diri. Di samping itu, beberapa ciri personaliti, termasuk yang dikenal pasti dalam Personaliti Lima Besar, telah dikaitkan dengan risiko tingkah laku bunuh diri (Shi *et al.*, 2018). Ciri-ciri Personaliti Lima Besar bagi model personaliti yang diterima secara meluas terdiri daripada lima domain, iaitu ekstraversi, kesetujuan, kehematan, neurotisme, dan keterbukaan. Manakala dapatan kajian Flint *et al.* (2021) menunjukkan bahawa ciri personaliti Lima Besar menyederhanakan hubungan antara individu yang mengalami Sindrom Krisis Bunuh Diri dan risiko jangka pendek tingkah laku bunuh diri. Secara khusus, dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa tahap neurotisme yang tinggi dikaitkan dengan tingkah laku bunuh diri dalam kalangan individu dengan Sindrom Krisis Bunuh Diri. Oleh itu, ini menunjukkan bahawa tahap neurotisme yang tinggi berfungsi sebagai faktor risiko. Sebaliknya, tahap ekstraversi, kesetujuan, kehematan, dan keterbukaan yang tinggi didapati berfungsi sebagai faktor perlindungan terhadap tingkah laku bunuh diri dalam kalangan individu yang mempamerkan Sindrom Krisis Bunuh Diri.

Di samping itu, buli merupakan isu umum yang bukan sahaja memberi kesan kepada mangsa bahkan masyarakat. Kesan sosial daripada buli adalah besar kerana dapat mempengaruhi kesihatan mental, masalah jenayah, pendidikan, dan banyak lagi perkara yang berkaitan dengan kehidupan. Dalam kajian Athanasiades & Deliyanni-Kouimtzis (2010) mendapati anak-anak yang mengalami perbuatan buli cenderung mempunyai masalah kesihatan mental, pencapaian akademik yang rendah, dan dalam kes yang melampau sehingga membunuh diri atau bertindak balas untuk melakukan pembunuhan. Sementara itu, Smolleck & Fryd (2018) dalam kajian mereka menganggarkan 20 peratus pelajar mengalami buli sekurang-kurangnya sekali seminggu, manakala 72 peratus daripada kesemua pelajar pernah atau akan mengalami perlakuan buli semasa zaman persekolahan mereka. Menurut mereka lagi, walaupun buli telah dikaji secara meluas namun peningkatan jumlah bunuh diri dan keganasan di sekolah yang disebabkan oleh perlakuan buli tidak boleh diabaikan atau diterima sebagai perlakuan biasa pelajar.

Dengan yang demikian, perhatian perlu diberikan terhadap tingkah laku buli dan pendekatan pencegahan perlu dilakukan oleh semua pihak baik keluarga, masyarakat mahupun kerajaan. Ini kerana menjadi mangsa buli pada usia kanak-kanak dan remaja boleh dikaitkan dengan gejala psikiatri apabila dewasa, seperti perbuatan jenayah, bunuh diri, kebimbangan, kemurungan, fobia, dan perasaan panik (Juvonen & Graham, 2014). Manakala Wassdorp, Bradshaw, dan Duong (2011) pula mencadangkan agar ibu bapa tahu tentang gaya keibubapaan kerana penting dalam pencegahan tingkah laku buli memandangkan bahawa buli adalah masalah sosial yang meliputi semua peringkat usia.

Malah gaya keibubapaan berkemungkinan boleh mendasari tingkah laku buli misalnya, Stelios (2008) dalam kajiannya mendapati bahawa ibu bapa yang mempunyai gaya keibubapaan permisif mempunyai risiko yang berpotensi mengubah tingkah laku anak-anak mereka menjadi pembuli. Dapatan kajian Baldry dan Farrington (2005) pula mendapati bahawa ibu bapa yang memberikan sokongan yang kuat kepada anak-anak dikaitkan dengan tahap anak untuk menjadi mangsa buli adalah lebih rendah.